

**NO. SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTA JAM ]**

**TARIKH : 26 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9155**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah perkahwinan bawah umur 16 tahun (perkahwinan kanak-kanak) setiap tahun dari 2008-2015 ikut pecahan negeri, umur kedua-dua pengantin, kaum dan bilangan penceraian, jika ada, bagi perkahwinan kanak-kanak di Malaysia.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya mendaftarkan perkahwinan bagi orang bukan Islam selaras dengan peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164). Bagi perkahwinan orang Islam, ia ditadbir oleh pihak berkuasa hal ehwal agama negeri masing-masing. Akta 164 pula telah menggariskan secara jelas had umur bagi pendaftaran perkahwinan dan perinciannya adalah seperti berikut:-**

- i. Lelaki bukan Islam haruslah berumur 18 tahun ke atas; dan**
- ii. Wanita bukan Islam haruslah berumur 16 tahun ke atas.**

**Walaupun Seksyen 10 dalam Akta yang sama membenarkan perkahwinan seorang perempuan yang telah genap umur 16 tahun tetapi di bawah 18 tahun, namun perkahwinan tersebut haruslah telah memperolehi lesen yang diberi oleh Menteri Besar / Ketua Menteri di bawah Subseksyen 21(2).**

**Oleh itu, memandangkan JPN tidak mendaftarkan perkahwinan di bawah umur 16 tahun, maka JPN tiada jualah mempunyai rekod mengenainya.**